

# Fatwa harus r

U.M. M/S 10 5/10/07

## MUKADIMAH

KISAH Tee Hui Yee yang terpaksa merayu kepada orang awam untuk mendapatkan jantung baru bagi menggantikan jantung mekanikal yang telah digunakan sejak setahun lalu menceritakan segala-galanya tentang budaya pemindahan dan pendermaan organ di negara kita.

Ia juga jelas menggambarkan tentang sikap rakyat Malaysia terutama di kalangan orang Melayu yang masih keberatan untuk mendermaan organ bagi manfaat orang lain.

Statistik Pusat Sumber Transplan Nasional pada tahun 2005 menunjukkan hanya 0.3 peratus penduduk negara ini yang membuat ikrar menderma organ. Jika pun ada peningkatan pada tahun lepas jumlahnya sudah pasti masih terlalu sedikit.

Hakikatnya, Majlis Fatwa Kebangsaan telah pun mengeluarkan ketetapan tentang keharusan pendermaan organ namun ia tidak cukup kuat untuk mendorong umat Islam di negara ini untuk mendermaan organ mereka.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pernah menganjurkan seminar tentang pendermaan dan pemindahan organ. Malah majalah *Visi* terbitan institut itu turut membincangkan secara panjang lebar isu yang masih kurang difahami di kalangan umat Islam di negara ini.

Wartawan *Utusan Malaysia* NORAINI ABDUL RAZAK dan AZLINARIAH ABDULLAH menyingkap semula beberapa persoalan berkaitan punca dan masalah yang menghalang umat Islam daripada mendermaan organ mereka.

**ISU** pendermaan organ merupakan satu polemik yang tidak berkesudahan dalam masyarakat kita. Jika kita melihat kepada bilangan mereka yang membuat ikrar menderma organ seperti yang dikeluarkan oleh Pusat Sumber Transplan Nasional pada tahun 2005, hanya 0.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia yang berbuat demikian. Kurang sambutan ini berpunca daripada pelbagai faktor, antaranya, agama.

Kakitangan akademik Pusat Syariah, Undang-Undang dan Sains Politik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Mohamad Asim Ismail memperkatakan tentang pandangan ulama tentang isu ini.

Dalam majalah *Visi* keluaran Januari 2006, beliau secara panjang lebar memperincikan bagaimana ulama bersetuju bahawa pendermaan organ tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam tetapi oleh syarat-syarat tertentu. Persetujuan mereka disokong dengan pelbagai sandaran agama termasuklah kaedah fikah yang antaranya ialah "pilih" yang kurang antara dua perkara yang membawa mudarat", "mudarat perlu dihilangkan" dan "kebijakan umum lebih utama daripada kebijakan khusus". Pertubuhan, persidangan serta ulama Islam banyak telah mengeluarkan fatwa dan ketetapan mengenai keharusan pendermaan organ. Antaranya:

● Majma' al-Fikah al-Islam bawah naungan Pertubuhan Negara-Negara Islam pada tahun 1985 di Jeddah. Pada tahun 1986, bertempat di Amman, Jordan, perbincangan isu menderma organ dibuat dengan lebih mendalam.

● Majlis Tertinggi Islam Algeria tahun 1972.

● Majlis Tertinggi Fatwa Kerajaan Jordan 1977.

● Kementerian Wakaf Kuwait, tahun 1980.

● Pertubuhan Ulama Besar Kerajaan Arab Saudi, pada tahun 1980.

● Persidangan Islam Antarabangsa yang berlangsung di Malaysia pada tahun 1969.

● Persidangan Antarabangsa Pakar-Pakar Perundangan Islam kali ke-3 (OIC) tahun 1986.

● Persidangan Antarabangsa Pakar-Pakar Perundangan Islam kali ke-4 (OIC) tahun 1988.

● Persidangan Antarabangsa Pakar-Pakar Perundangan Islam kali ke-6 (OIC) tahun 1990.


● Ulama terkenal Dr. Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa pendermaan dan pemindahan organ daripada orang hidup dan yang telah meninggal dunia adalah harus pada saat darurat dengan syarat tidak membawa kemudaratan besar kepada penderma atau orang yang mempunyai hak atas dirinya.

## Syarat

Penderma pula hendaklah memenuhi ke-  
layakan menderma seperti akil baligh. Walaupun begitu, pendermaan organ kepada orang kafir harbi tidak harus. Selain itu, beliau turut mensyaratkan organ yang didermakan tidak boleh menjadi bahan jual beli. Beliau turut mengharuskan kepada waris dan wali menderma organ tertentu kaum keluarga mereka yang telah meninggal dunia, yang tidak berwasiat organnya tidak boleh diambil selepas ia meninggal (kitab *Fataawa Mu'asirah*).

Ulama masyhur Sheikh Atiyah Saqr berpandangan bahawa harus melakukan pen-

# menderma organ



**PEMBEDAHAN** pindahan jantung di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.

dermaan organ sama ada daripada orang yang mati juga yang masih hidup kerana ada keperluan yang darurat. Bagi yang telah meninggal dunia, hendaklah dipastikan ada wasiat untuk menderma organnya atau mendapat keizinan daripada wali-walinya terlebih dahulu.

Bagi yang masih hidup, pendermaan organ mestilah tidak membawa mudarat besar dan kematian kepada mereka seperti menderma jantung, paru-paru dan lain-lain. Pendermaan ini hendaklah memberi manfaat kepada penerima organ. (Kitab *Al-Islam Wa Masyakil al-Hayah*).

Allahyarham Sheikh Jad al-Haq ali Jad al-Haq, bekas Sheikh Universiti Al-Azhar, Mesir berpandangan harus menderma dan memindahkan organ pada saat darurat baik daripada orang yang hidup mahupun orang yang mati apabila diputuskan oleh doktor beragama Islam dan juga bukan beragama Islam yang memiliki kemahiran, dengan syarat pendermaan dan pemindahan organ itu tidak membawa mudarat besar kepada penderma dan organ yang diderma dapat mem-

beri manfaat kepada penerima walau bagaimanapun, dilarang mengambil bayaran daripada organ yang didermakan atau menjadikannya sebagai bahan jual beli.

Pemindahan organ daripada orang yang telah meninggal dunia dibenarkan apabila ia mewasiatkannya atau dipersetujui oleh warisnya jika ia tidak mewasiat untuk menderma organnya.

Pemindahan organ daripada orang yang telah meninggal hendaklah dilakukan setelah benar-benar ia meninggal. (Kitab *al-Fiqh al-Islam, Murunatuhi wa tawawuruhi*).

Pandangan hukum daripada pelbagai pihak seperti contoh di atas menunjukkan bahawa pemindahan organ ialah satu perkara yang diharuskan oleh agama Islam.

Pendermaan organ memenuhi salah satu maqasid syariat iaitu memelihara jiwa manusia. Dalam sejarah Islam ada diceritakan bahawa dalam peperangan Badar dan Uhud mata Qatadah Ibn Nu'man yang terkeluar dimasukkan semula.

Begitu juga tangan Muawiah ibn Afra dan Habeeb ibn Yusof yang terputus disambung

semula. Ulama muktabar seperti imam Nawawi dan Asshirbini telah memberi pandangan yang membenarkan pemindahan gigi dan tulang. Keharusan pendermaan organ ini perlu menepati syarat syariat yang antara lain ia tidak boleh dijual beli demi menghor-mati kedudukan dan martabat manusia.

Tidak memudaratkan penderma seperti pendermaan kedua-dua buah pinggang. Seorang Muslim boleh mendermakan organnya kepada seorang bukan Islam yang tidak memusuhi agama Islam. Organ yang diderma ini tidak memberi kesan amalan baik dan buruk kepada si penderma asal kerana setelah pendermaan, orang yang menerimanya akan menanggung akibat perbuatan tersebut.

Oleh itu, masyarakat kita tidak lagi perlu risau untuk bertindak sebagai penderma dan pengikrar bagi menderma organ. Di Malaysia, Majlis Fatwa Kebangsaan sendiri telah pun mengeluarkan ketetapan tentang keharusan pendermaan organ. Ini termasuk fatwa majlis agama negeri seperti Fatwa Negeri Sarawak pada tahun 1996.